



Jadual kuliah anjal inisiatif tingkat kualiti proses pembelajaran

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi - Jun 5, 2023 @ 10:22am
bhnews@bh.com.my



Sistem pembelajaran hibrid dan jadual anjal membolehkan mahasiswa menyusun aktiviti mereka dengan lebih fleksibel selain dapat membantu mengurangkan kos sara hidup.- Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Sistem pembelajaran hibrid dan jadual anjal yang diperkenalkan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), adalah salah satu inisiatif bagi meningkatkan kualiti proses pembelajaran.

Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Mohd Ekhwan Toriman, berkata dari perspektif pelajar, sistem pembelajaran hibrid dan jadual anjal dapat memperkasa pembelajaran fleksibel dan secara sendiri oleh pelajar.

Katanya, ia membolehkan mahasiswa menyusun aktiviti mereka dengan lebih fleksibel selain dapat membantu mengurangkan kos sara hidup.

"Bagi UKM, kita telah pun melaksanakan pelaksanaan pembelajaran anjal melalui Program Sarjana Muda Sains Citra dengan Kepujian di Pusat Pengajian Citra UKM.

"Melalui program itu, pelaksanaan pembelajaran anjal dilaksanakan bagi bidang penumpuan tertentu, bagi menggantikan sesi pembelajaran secara konvensional - bersemuka atau praktikal," katanya kepada BH, hari ini.

Semalam, BH melaporkan, KPT akan memperkenalkan sistem pembelajaran hibrid dan jadual anjal dengan pelajar diwajibkan hanya menghadiri kuliah di universiti pada tahun pertama dan tahun akhir sahaja.

Pada tahun pertengahan pengajian pula, pelajar akan diberi pilihan dan keanjalan mengikuti pengajian dari rumah tanpa perlu hadir secara fizikal di kelas.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, dilaporkan berkata ia sebahagian inisiatif kerajaan bagi membantu pelajar daripada terus terbeban dengan kos pengajian, selain memberi mereka ruang yang fleksibel.

Untuk itu, katanya 95 program pengajian ijazah sarjana muda di 19 daripada keseluruhan 20 universiti awam bersedia melaksanakan pembelajaran anjal bermula sesi akademik 2023/2024.

Selain itu Mohamed Khaled berkata, dalam usaha membantu pelajar yang kini berdepan dengan kos pengajian, KPT juga akan memendekkan tempoh pengajian ijazah sarjana muda daripada empat tahun kepada tiga tahun sahaja.

Mohd Ekhwan berkata, UKM juga kini lebih bersedia untuk menawarkan lebih banyak program hibrid dan anjal pada masa akan datang.

Berkenaan, memendekkan tempoh pengajian pula, beliau berkata, pada masa ini, UKM menawarkan 16 program pengajian sarjana muda yang tempoh pengajiannya adalah tiga tahun, antaranya Ekonomi dan Pengurusan; Sains Seni Bina dan Sains Sosial dan Kemanusiaan.

Katanya, melalui syor oleh KPT, UKM akan meneruskan proses mengkaji pilihan untuk memendekkan tempoh program pengajian empat tahun ke tiga tahun bagi program lain yang berpotensi melalui penawaran program secara modular dan melalui mod tri-mester.

Naib Canselor Universiti Malaya (UM), Prof Datuk Ir Dr Mohd Hamdi Abd Shukor, berkata berkenaan sistem pembelajaran hibrid, sejak dua tahun lalu UM sudah mempunyai program dikenali sebagai Remote Learning (RL).

"Pelajar yang mendaftar RL akan mengikuti kelas secara hibrid sepenuhnya. Bagaimanapun, setakat ini ia hanya membabitkan beberapa program yang sesuai sahaja," katanya.

Program berkenaan merangkumi Sarjana Muda Sastera Antropologi dan Sosiologi, Sarjana Muda Sastera Inggeris, Sarjana Muda Sastera Pengajian Strategik dan

Antarabangsa, Sarjana Muda Sains Statistik dan Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian).

Sementara itu, Presiden Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC), Prof Dr Ahmad Ismail, berkata ada IPT yang sudah melaksanakan sistem pembelajaran hibrid dan jadual anjal terutama ketika pandemik COVID-19 dan begitu juga usaha memendekkan tempoh pengajian.

Malah katanya, ketika ini sudah ada universiti mengamalkan tiga semester dalam tempoh setahun.

"Apa pun cadangan, pihak universiti mempunyai cara sendiri kerana mereka yang menjalankan program akademik dan sesuai dengan jenis program, pengiktirafan program dan keperluan untuk bergraduat.

"Dekan Fakulti yang bertanggungjawab atas program yang ditawarkan, boleh berbincang dengan pakar di kalangan ahli akademik dan penasihat program yang ada juga dikalangan industri dan badan professional," katanya.

Beliau mengakui, dengan teknologi yang ada sekarang ini, lebih mudah untuk beradaptasi dengan cadangan oleh KPT itu.

Malah katanya, bagi kursus yang memerlukan kerja amali boleh diatur mengikut kesesuaian kursus dan tahap kursus.

"Selain dari itu, peraturan sedia ada di semua universiti boleh dirujuk sebagai panduan perjalanan program akademik yang bakal di ubah suai dan memenuhi objektif serta memenuhi keperluan bergraduat," katanya.